



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

NATURECEUTICALS UMUM KEJAYAAN UJIAN KLINIKAL FASA 3 PRODUK NUVASTATIC BAGI MERAWAT KESAN SAMPINGAN KEMOTERAPI PESAKIT KANSER PAYUDARA TAHAP LANJUT

PUTRAJAYA, 21 MEI 2026 - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ingin mengumumkan kejayaan Ujian Klinikal Fasa 3 Secara Rawak (RCT) oleh syarikat peneraju di bawah Inisiatif Projek Pemacu Pertanian: Produk Herba Bernilai Tinggi iaitu Syarikat NatureCeuticals Sdn. Bhd. bagi penghasilan Nuvastatic, iaitu ubat botani yang telah divalidasi secara klinikal dan dibangunkan khusus untuk pengurusan Kelesuan Berkaitan Kanser (*Cancer-Related Fatigue, CRF*) dalam kalangan pesakit kanser payudara tahap lanjut yang sedang menjalani rawatan.

Keseluruhan program pembangunan daripada penemuan awal, kajian praklinikal, pembangunan formulasi, persediaan pengilangan *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan ujian klinikal telah direalisasikan melalui sokongan berterusan Kerajaan Malaysia, khususnya di bawah Inisiatif Projek Pemacu Pertanian: Produk Herba Bernilai Tinggi seliaan KPKM bermula tahun 2011 sehingga projek siap pada tahun 2026.

Pencapaian ini menandakan satu detik bersejarah bagi Malaysia dan merupakan antara kejayaan paling signifikan negara dalam pembangunan penyelidikan farmaseutikal dan onkologi. Kejayaan ini membuktikan keupayaan Malaysia membangunkan inovasi terapeutik bernilai tinggi berasaskan biodiversiti tempatan melalui piawaian saintifik antarabangsa termasuk ujian klinikal terkawal secara rawak.

Nuvastatic kini telah diguna pakai oleh pakar-pakar onkologi tempatan dan digunakan dalam rangkaian penyedia penjagaan kanser antarabangsa termasuk di Malaysia. NatureCeuticals Sdn. Bhd. turut menjalinkan perbincangan strategik bersama syarikat farmaseutikal antarabangsa berkaitan peluang pengedaran dan pelesenan Nuvastatic di peringkat global.

KPKM merakamkan tahniah kepada Syarikat NatureCeuticals Sdn. Bhd, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), para penyelidik klinikal, pakar onkologi, rakan penyelidikan, pesakit dan semua pihak berkepentingan yang telah menyumbang sepanjang proses pembangunan saintifik dan klinikal.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Apakah fungsi Nuvastatic?

Nuvastatic ialah formulasi berasaskan ekstrak terpiawai diperkaya *Rosmarinic Acid Orthisphon Stamineus* (Misai Kucing) yang dibangunkan bagi membantu menangani simptom *Cancer-Related Fatigue (CRF)* dalam rawatan kanser. Berdasarkan keputusan ujian klinikal Fasa 3 yang telah dijalankan, Nuvastatic menunjukkan potensi membantu mengurangkan simptom CRF pesakit kanser semasa menjalani rawatan kemoterapi serta meningkatkan kualiti hidup pesakit.

2. Apakah kemudaratan CRF kepada pesakit kanser?

CRF merupakan antara kesan sampingan yang paling kerap dialami oleh pesakit kanser. Ia boleh menyebabkan pesakit berasa terlalu letih, lemah, kurang tenaga dan menjejaskan aktiviti harian. CRF juga boleh memberi kesan kepada emosi, motivasi, kualiti tidur serta kemampuan pesakit untuk meneruskan rawatan kanser secara konsisten.

3. Di manakah boleh mendapatkan atau membeli Nuvastatic?

Untuk pertanyaan lanjut atau mendapatkan maklumat berkaitan Nuvastatic, anda boleh melayari www.nuvastatic.com atau ICON Cancer Malaysia di Island Hospital Pulau Pinang.

4. Adakah Nuvastatic hanya digunakan untuk kanser payudara?

Tidak. Selain kajian klinikal Fasa 3 ke atas pesakit kanser payudara, terdapat juga data daripada kajian klinikal Fasa 2 yang menunjukkan respon positif terhadap beberapa jenis kanser lain. Walau bagaimanapun, penggunaan adalah bergantung kepada penilaian dan nasihat profesional kesihatan yang merawat pesakit.

5. Mengapakah penemuan ujian klinikal ini sangat penting?

Penemuan ini amat penting kerana Nuvastatic merupakan formulasi pertama di dunia yang mempunyai pembuktian klinikal yang menunjukkan keberkesanan dalam membantu menangani *Cancer-Related Fatigue (CRF)* melalui ujian klinikal terkawal Fasa 3. Sebelum ini, pilihan rawatan untuk CRF adalah sangat terhad dan kebanyakannya hanya melibatkan penggunaan ubat *off-label*, senaman, sokongan nutrisi atau intervensi gaya hidup. Oleh itu, pembangunan Nuvastatic membuka satu pendekatan baharu yang lebih berasaskan bukti klinikal dalam pengurusan simptom keletihan berkaitan kanser.

6. Apakah kebaikan tambahan Nuvastatic dalam rawatan dan penyembuhan kanser?

Selain membantu mengurangkan simptom CRF, Nuvastatic juga berpotensi membantu pesakit meningkatkan tahap tenaga, fungsi harian dan kualiti hidup sepanjang rawatan kanser. Apabila pesakit berada dalam keadaan fizikal dan emosi yang lebih baik, ia boleh membantu meningkatkan toleransi terhadap rawatan seperti kemoterapi, mengurangkan gangguan terhadap jadual rawatan serta membantu pesakit meneruskan rawatan dengan lebih konsisten. Ini secara tidak langsung dapat menyokong keseluruhan proses pemulihan dan pengurusan penyakit kanser.